

**ULAMA HADIS: MAKHLUK ASING DARI BUMI** oleh Kamilin Jamilin. Publishing House. 2019. Halaman 233. ISBN 978-967-481-177-8

Buku Ulama Hadis: Makhluk Asing Dari Bumi mempunyai 233 halaman bercetak ditulis oleh Dr. Kamilin Jamilin dan diterbitkan oleh PTS Publishing House pada tahun 2018. Buku Ulama Hadis: Makhluk Asing Dari Bumi telah digarap dengan menghimpunkan 60 kisah unik para ilmuwan Islam khususnya ahli hadis. Antara objektif buku ini adalah bertujuan memberi inspirasi dan motivasi kepada pembaca untuk lebih bersemangat dan positif dalam mencari ilmu melakukan amalan soleh. Ia juga bertujuan untuk pembaca melakukan amalan soleh dengan konsisten hasil inspirasi 60 kisah unik ahli hadis sebagaimana yang dimuatkan di dalam buku ini.

Antara kelebihan buku Ulama Hadis: Makhluk Asing Dari Bumi ialah pembaca yang membaca buku ini mampu mengubah sudut pandang dan persepsi masyarakat kini yang dipengaruhi oleh sistem pendidikan dan sistem pengkelasan murid yang diperkenalkan oleh Barat. Buku ini menegaskan bahawa kehidupan manusia ada pasang surut dan ia adalah lumrah dan fitrah setiap jiwa yang dianugerahkan Allah SWT. Namun dalam mencari kejayaan hakiki sistem pendidikan yang diperkenalkan oleh Barat untuk kehidupan di dunia dan akhirat, pembaca perlu juga mendapat suntikan semangat berbentuk kisah inspirasi ahli hadis yang telah menyelusuri perjalanan kehidupan yang unik. Kisah mereka ini bukanlah sesuatu yang di luar batasan pemikiran manusia normal mahupun disebabkan karamah anugerah khas Allah SWT. Keajaiban kehidupan unik ahli hadis ini adalah hasil kesungguhan, tekad, semangat, usaha, sikap dan keikhlasan hati yang luar biasa yang amat jarang dimiliki oleh manusia biasa.

Buku ini adalah hasil dari penerokaan penulis iaitu Dr. Kamilin Jamilin terhadap kitab- kitab yang memuatkan butiran biografi ilmuwan Islam termasuk ilmuwan hadis yang masih jarang diterokai. Penerokaan ini tercetus kerana ia bertepatan dengan keperluan bidang pengajian beliau iaitu hadis yang sentiasa memerlukan beliau melakukan kajian terhadap topik-topik seumpama ini.

Hasil kajian beliau telah menghasilkan beberapa kisah pendek para ulama terdahulu yang setiap satunya mempunyai keunikan tersendiri. Beliau turut berkongsi beberapa sisi berbeza tentang sikap dan kehidupan para ulama hadis yang juga manusia biasa dan tidaklah maksum. Mereka iaitu para ulama hadis ini juga tidak lari dari kelakuan dan perangai manusia biasa yang ada kekurangannya. Penulis buku menyatakan sumber secara ringkas untuk kemudahan pembaca. Penulis buku tidak menyatakan sumber secara teliti. Beliau merujuk kepada lebih 40 sumber biografi ilmuwan Islam seperti Siyar A'lam Al-Nubala' karangan Al-Dzahabu, Syarafu Ashab Al-Hadith karangan Khatib Al-Baghdadi dan lain-lain.

Dengan membaca kisah-kisah para ulama hadis ini, pembaca pasti akan terfikir di mana tahap keimanan dan ketaqwaan diri berbanding para ulama ini. Tidak ketinggalan juga pembaca turut melihat balik tahap pencapaian ilmu mereka berbanding mereka. Juga pastinya kita akan berfikir sebab-sebab generasi umat Islam kini lemah dan tidak segemilang legasi ilmu-ilmu Islam seperti zaman dahulu. Seterusnya pembaca akan tertanya-tanya adakah para ulama hadis ini manusia biasa atau pun "Makhluk Asing dari Bumi?".

Kisah-kisah ulama hadis yang terdapat dalam buku ini dapat dikategorikan kepada beberapa bahagian metafora seperti populariti, semangat dan azam, seni, egoistik dan kesombongan, penglipur lara iaitu lakonan, keberanian bersuara, kronisme dan perselisihan. Antaranya kisah seorang tokoh sarjana Mazhab Syafii di Iraq yang mengarang banyak kitab-kitab seperti *al-Nukat wa al-Úyin* dan lain-lain. Walaubagaimanapun kitab-kitab yang beliau karang telah disembunyikan di suatu tempat. Namun ketika saat kematian beliau telah menjelma, kitab-kitab yang disembunyikan tersebut telah diserahkan kepada seseorang untuk disebar ilmu-ilmu yang terkandung di dalamnya sebaik sahaja beliau meninggal dunia. Ini adalah kerana beliau khuatir keberkatan ilmu beliau boleh terjejas jika ia tersebar sewaktu beliau masih hidup. Pujian dan imbuhan daripada Allah SWT merupakan semata-mata harapan ulama ini. Rentetan daripada itu, selepas beliau meninggal, ilmu-ilmu yang dikarang beliau telah dimanfaatkan selama beratus tahun lamanya. Sudah tentu hal ini berbeza dengan keadaan kita pada masa kini yang lebih cenderung kepada keuntungan royalti dan meraih populariti sebagai kayu ukur.

Populariti, pujian dan kekayaan merupakan antara perkara dicari manusia ketika ini. Namun kadangkala ia tidak perlu dicari, ia anugerah daripada Allah SWT. Para ulama sangat takut dan tidak gembira dengan populariti yang dikecapi. Mereka rasa tidak senang dan adakala membuatkan mereka menghindarkan diri daripada dikenali oleh orang ramai. Antaranya Ibn Al-Mubarak yang merasa gembira berada di tempat yang tiada sesiapa mengenali beliau serta beliau dapat berebutan mendapatkan air dan meminumnya bersama orang ramai. Inilah bentuk nikmat kehidupan yang dicarinya.

Buku ini juga menonjolkan beberapa kisah para ulama yang tidak menyenangi orang ramai mengetahui akan amalan ibadat mereka. Solat sunat, sedekah, bacaan al-Quran, puasa dan kehadiran ke majlis ilmu semuanya hampir tersembunyi daripada pengetahuan umum. Malah Imam Al-Syafii juga tidak mahu manusia menisbahkan ilmu dengan dirinya. Namun fatwa dan ilmunya menjadi suatu mazhab ikutan umat Islam kini. Inilah konsep tidak dikenali makhluk di bumi, namun dikenali mereka di langit.

Selepas populariti, metafora azam, tekad, semangat, kegigihan dan kesungguhan adalah ciri terpenting dalam diri para ulama hadis. Tanpa metafora ini, tidaklah wujud ‘makhluq asing’ di bumi ini. Kita selalu bersemangat untuk melakukan pelbagai perkara. Namun selalu juga ianya menjadi seperti kata-kata peribahasa “hangat-hangat tahi ayam” sahaja. Para ulama hadis mementingkan konsistensi dan keghairahan dalam menuntut ilmu. Setakat perlu berjalan beribu kilometer dan kelaparan yang amat untuk menuntut ilmu, bukanlah cabaran yang berat di hati mereka ini. Abu Hatim Al-Razi mengelilingi pelbagai wilayah dan negara selama tujuh tahun dengan jarak perjalanan melebihi berbelas ribu kilometer demi bertemu tokoh-tokoh ulung ilmu hadis. Penat lelah perjalanan dan ujian di pertengahan jalan itu seolah-olah pembakar semangat untuk terus bergerak lebih pantas. Ia tidak langsung dianggap sebagai ujian berat daripada Allah s.w.t. malah dianggap sebagai nikmat kemanisan dalam menuntut ilmu. Berbanding dengan kita pada masa kini yang kurang cekal dan mudah mengeluh dengan cabaran menuntut ilmu. Contohnya, talian internet lambat pun sudah dikategorikan sebagai masalah besar dalam menuntut ilmu.

Seni terbahagi kepada pelbagai cabang seperti sukan, lukisan, syair, lagu, dan lain-lain. Dalam

konteks sukan, Imam Al-Syafi'i merupakan seorang pemanah tepat. Beliau turut meminati bahasa dan kesusasteraan Arab serta pernah ditegur oleh seorang tokoh kesusasteraan Arab Al-Asma'i. Tokoh ini menasihatinya untuk tidak mensia-siakan kebolehan serta kepandaian beliau dalam menuntut ilmu fiqh. Imam Al-Syafi'i terkesan dengan nasihat ini dan terus fokus menuntut ilmu fiqh bersama Imam Malik.

Kesungguhan ahli hadis mencatat setiap ilmu yang digarap daripada guru-guru mereka adalah cara untuk mengelakkan ilmu itu daripada hilang. Berbeza dengan sikap anak muda kini, Mereka jarang sekali mencatat butiran ilmu yang disampaikan oleh guru secara bersungguh-sungguh. Ilmu yang disampaikan tidak dikutip dengan cermat dan dibiarkan berlalu pergi selepas tamat pemeriksaan.

Sikap 'demi satu hadis' menyebabkan para ahli hadis sanggup berjalan beribu-ribu kilometer serta merentasi beberapa negara hanya untuk menuntut satu hadis. Pendirian inilah antara lain kemudiannya menjadikan ilmu mereka mendapat keberkatan yang sebenar iaitu apabila ilmu tersebut dapat dimanfaatkan untuk diri sendiri dan agama. Ahli hadis tidak bersikap semborono dalam menghafal dan mengingati hadis. Perincian setiap perkataan hadis itu dipelihara dengan begitu teliti. Ini bagi memastikan ia sahih diriwayatkan daripada perawi-perawi hadis. Malah ada di antara mereka yang mengembara berbulan-bulan hanya untuk memastikan ketulenan dan ketepatan hadis-hadis Nabi SAW.

Para ahli hadis juga tidak terpelihara atau bebas daripada melakukan dosa. Mereka manusia biasa yang mempunyai hidup lampau yang dipenuhi pelbagai perbuatan yang melanggar perintah Allah SWT. Barangkali kesilapan yang dilakukan adalah guru terbaik kehidupan. Ada kalangan mereka mempunyai kisah silam sebagai seorang pemabuk, perompak, pengendap, penghasad dengki dan lain-lain. Namun pada saat Allah SWT telah memberi hidayah pada mereka menerusi peristiwa yang tidak dijangka, tanpa menoleh lagi, mereka terus mengubah diri dengan mencari ilmu dan menjadi seorang ahli hadis yang hebat.

Terdapat kisah seorang ahli hadis bernama Mughlatay. Beliau dianggap sangat lantang mengkritik gurunya sendiri bernama al-Mizzi. Malah Mughlatay menyifatkan gurunya jahil. Tidak hairan Mughlatay diuji dengan sifat bongkak dan dianggap tidak beradab terhadap gurunya. Kitabnya *Ikmal Tahdzib Al-Kamal* sangat penting dan bermutu dalam seni hadis. Namun mungkin keberkatan penulisan itu hilang akibat sikapnya yang kurang beradab terhadap gurunya menyebabkan kitab tersebut kurang diberi perhatian dalam kalangan penuntut ilmu.

Ahli hadis tidak pernah terhindar daripada menerima teguran samada daripada anak murid sendiri malahan anak kecil semuda usia 11 tahun. Namun reaksi penerimaan terhadap teguran itu pelbagai. Ada yang menerima dengan hati terbuka, malah mengakui kesilapan di khalayak ramai.

Terdapat juga di kalangan ahli hadis ini dikategorikan sebagai perawi 'perlipur lara'. Ini berdasarkan sikap mereka menghiburkan pendengar dengan hikayat kisah dan cerita-cerita. Ada kalanya mereka bertindak demikian untuk menarik perhatian pendengar supaya lebih diminati.

Fitrah manusia suka mendengar cerita. Namun, perlipur lara ini merupakan golongan yang paling banyak merosakkan hadis Nabi SAW. Mereka sering merapu dan memutarbelitkan hikayat dan kisah-kisah yang disampaikan. Inilah golongan yang paling ditakuti oleh pencinta hadis sebenar.

Dalam kehidupan hari ini, amat jarang yang berani menegur pemimpin atau pemerintah akan kesalahan atau kesilapan mereka dalam pentadbiran negara apatah lagi secara bersemuka. Barangkali hampir tiada, Hal ini kerana terpaksa disembunyikan agar kepentingan diri tidak terjejas. Ibnu Khuzaymah adalah antara ahli hadis yang mendapati ada kesilapan pada sanad hadis yang disampaikan oleh gabenor bernama Ismail bin Ahmad. Beliau menegur gabenor tersebut kerana merasakan ia tidak wajar apabila mendengar sesuatu daripada Rasulullah SAW yang ada kesilapan atau penyelewengan pada hadisnya. Tiada sesiapa berani menegur gabenor tersebut selama lebih 20 tahun, namun Ibnu Khuzaymah melakukannya kerana Allah SWT semata-mata.

Imam Al-Bukhari pernah disambut dengan gilang-gemilang sewaktu kedatangannya di sebuah daerah bernama Nisabur. Malah ada beberapa hali hadis yang lain turut menyambutnya dengan gembira. Namun isu berkaitan '*Khalq al-Quran*' sedang hangat diperkatakan. Ada yang sengaja membangkitkan isu ini di dalam majlis ilmu tersebut menyebabkan Imam Al-Bukhari terpaksa menjawab setelah diasak bertubi-tubi. Jawapannya yang menyatakan lafaz Al-Quran itu makhluk menyebabkan Al-Dzuhli berang dan menganggap Al-Bukhari ahli bidaah. Al-Dzuhli seolah menghalau Imam Al-Bukhari dan semua hadirin meninggalkan majlis ilmu tersebut kecuali Imam Muslim dan Ahmad bin Salamah al-Nisaburi. Imam Al-Bukhari kembali ke Bukhara iaitu negeri asalnya dan menyerahkan segala urusannya untuk dihisab oleh Allah SWT pada hari kiamat kelak.

Hari ini kita selalu menghakimi seseorang dengan pantas. Bila seorang itu tidak memakai jubah atau berkopiah dianggap tidak álim. Namun penampilan luaran yang seolah agamawan yang warak bukanlah pengukur kepada keilmuan seseorang dan kejituannya dalam ilmu hadis. Seorang syekh bernama Muhammad bin Ayyub bin Suwayd digambarkan seolah berpura-pura warak dan terbukti dia berdusta dengan hadis-hadis tambahannya. Maka Abu Zuráh menempelaknya kerana berani berdusta. Abu Zuráh merupakan salah seorang ahli hadis yang tidak terpengaruh dengan penampilan warak seseorang. Beliau hanya melihat fakta, sanad, dan *matan* hadis yang disebarkan. Tidak perlu hipokrit untuk meraih sanjungan. Jadilah diri sendiri serta ikhlaskan niat semata mata untuk mendapat reda Allah SWT.

Ahli hadis yang zuhud selalunya tidak berasa hina apabila meminta pihak di sekelilingnya menilai dan memperbetulkan kekurangan atau kesalahan yang dilakukannya. Teguran ini adalah satu cara memperbaiki diri menjadi lebih baik dan lebih berpengetahuan. Mereka sanggup menarik kembali kesilapan dengan penuh gembira dan amanah. Malah Imam Al-Syafi'i merupakan tokoh yang memelihara maruah diri sehinggakan beliau tidak akan meminum air sejuk pemberian orang jika pemberian air sejuk itu boleh mencalar maruahinya. Perkara sekecil ini pun Imam al-Shafi'i berhati-hati apatah lagi perbuatan yang besar seperti berdusta. Ini menggambarkan sekiranya Imam Syafi'i berada pada tahap harus berdusta, beliau tetap tidak akan berdusta kerana menjaga maruah dirinya iaitu perlu bersikap benar dan jujur setiap saat dalam hidupnya.

Kisah seterusnya berkenaan ahli hadis melihat manusia semakin taksuf dengan fiqh dan sirah tanpa menghiraukan al-Quran yang kemudiannya menyebabkan ada beberapa perawi hadis yang

meriwayatkan hadis mengenai kelebihan surah-surah dalam al-Quran. Ini bertujuan supaya manusia kembali merujuk dan membaca al-Quran. Namun rekaan hadis oleh perawi- perawi ini seolah-olah menghalalkan segala amalan dan cara demi kepentingan agama. Walhal matlamat yang baik tidak bermaksud menghalalkan cara yang salah. Perbuatan ini tidak boleh diambil mudah. Antara kisah lain yang terdapat di dalam buku ini adalah cerita menyentuh hubungan kasih guru dan anak murid, kisah Waki' Al-Jarrah, kisah kelancangan dan kegeliciran kata-kata ahli hadis, kisah tiada 'kroni' dalam menegakkan kebenaran dan nilai ilmu.

Buku ini juga menunjukkan ilmu hadis adalah ilmu yang mendorong tercetusnya keajaiban daya ingatan para ahli hadis. Buku ini turut memberi kesan kepada cara fikir seseorang pembaca tentang sifat dan karakter ahli hadis di masa lampau. Ketaatan, kesungguhan, ketelitian, semangat, keazaman ahli hadis menuntut ilmu ini sememangnya sangat luar biasa dan 'pelik'. Hampir mustahil sikap ini dijumpai dalam kalangan manusia hari ini. Keselesaan, kemudahan teknologi, gaya hidup yang moden dan bergaya, menyebabkan cara dan adab menuntut ilmu hari ini semakin dipandang ringan dan seolah-olah tidak meninggalkan kesan pada hati seseorang itu.

Tiba masanya, adab dan semangat menuntut ilmu para ahli hadis di dalam buku ini diterapkan dan ditekankan dalam sistem pendidikan negara. Tidak lain hanyalah bertujuan melahirkan generasi yang lebih bermatlamat dan beradab. Benarlah kata-kata 'adab didahulukan barulah ia diikuti dengan ilmu'. Tanpa adab, ilmu malap. Semoga generasi akan datang lebih menghargai adab dan ilmu dalam menelusuri kehidupan mendatang.

**Rafiza Kasbun**

Jabatan Multimedia

Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.